

22/10/2001

TNB jamin tarif elektrik tidak akan dinaikkan

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Ahad - Tenaga Nasional Berhad (TNB) memberi jaminan tarif elektrik tidak akan dinaikkan dalam tempoh terdekat ini walaupun harga petrol dan diesel meningkat sebanyak 10 sen.

Pengerusinya, Datuk Jamaluddin Jarjis berkata, TNB tidak banyak menggunakan petrol dan diesel dalam sistem penjanaan tenaga elektriknya.

Katanya, ketika ini hanya Sabah menggunakan diesel sebagai bahan api dalam sistem penjanaan kuasa elektriknya manakala Semenanjung dan Sarawak menggunakan dua peratus bahan api itu.

Beliau berkata, diesel hanya digunakan ketika waktu kecemasan.

"Pada masa sekarang, TNB menggunakan 80 peratus bahan mentah berasaskan gas, arang batu (10 peratus) dan hidroelektrik (10 peratus) dalam sistem penjanaan tenaga elektrik," katanya ketika dihubungi Berita Harian di Shanghai, China, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai kenaikan harga petrol dan diesel yang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Belanjawan 2002, Jumaat lalu.

Jamaluddin berkata, kenaikan harga petrol itu tidak memberi kesan besar kepada syarikat utiliti kebangsaan itu.

"Orang ramai tidak perlu bimbang kerana kebanyakan produk TNB tidak membabitkan penggunaan petrol dan diesel secara langsung. Lagipun, TNB sudah membuat perjanjian selama setahun dengan pembekal untuk menyalurkan diesel bagi sistem penjanaan di Sabah.

"Bagi sistem penjanaan di Semenanjung, TNB mempunyai perjanjian dengan Petronas bagi membekalkan gas sehingga hujung tahun ini. Justeru dalam waktu terdekat ini, tarif elektrik kekal pada kadar yang lama," katanya.

Sementara itu, Majlis Belia Malaysia (MBM) meminta kerajaan menjelaskan rasional di sebalik kenaikan harga petrol dan diesel sebanyak 10 sen berikutan kebimbangan orang ramai mengenainya.

Naib Presidennya, Norizan Sharif berkata, kerajaan juga perlu mengumumkan langkah bagi membendung kenaikan kadar inflasi akibat kenaikan bahan api berkenaan.

Katanya, penjelasan itu penting bagi membolehkan rakyat menghargai kesukaran kerajaan mengurus negara dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu.

"MBM percaya kerajaan tidak akan mengambil langkah menaikkan harga petrol dan diesel sekiranya ia mempunyai alternatif lain. Rasional kenaikan itu perlu dijelaskan supaya rakyat faham dengan tindakan itu," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata, kerajaan juga perlu segera mengumumkan langkah yang akan diambil bagi menentukan kenaikan bahan api itu tidak membebankan pengguna khususnya yang berpendapatan rendah.

Katanya, rakyat kini bimbang kenaikan bahan api berkenaan menyebabkan kenaikan harga barangan keperluan berikutan pihak industri menaikkan kos pengangkutan.

"Kerajaan perlu mengadakan perbincangan dengan pihak industri pengilangan dan pengangkutan bagi mencari jalan dan membentuk strategi untuk mengurangkan kesan kenaikan harga petrol dan diesel ke atas pengguna," katanya.

Aktivis masyarakat, Datuk Lee Lam Thye pula meminta sektor pengangkutan tidak mengambil kesempatan menaikkan tambang dan kos pengangkutan berikutan kenaikan bahan api itu.

Katanya, tindakan syarikat pengangkutan seperti bas, lori dan teksi menaikkan tambang hanya membebaskan pengguna.

"Kerajaan mengumumkan kenaikan harga petrol dan diesel kerana ia alternatif terbaik untuk memulihkan ekonomi dan tidak boleh dijadikan alasan untuk menaikkan harga tambang dan barang keperluan," katanya.

(END)